

'Dummy Buckle' , Produk Ciplak, Disalah Guna

KUALA LUMPUR : Aksesori *dummy buckle* atau alat nyah aktif penggera tali keledar yang dijual di pasaran secara berleluasa ketika ini adalah produk 'ciplak'.

Alat berkenaan yang kini dijual serendah RM2 di kedai serbaneka atau portal beli-belah dalam talian itu sebenarnya direka dan dipasarkan untuk kegunaan individu berbadan saiz besar.

Bagaimanapun, ia kini disalah guna untuk tujuan 'mematikan' penggera tali keledar kenderaan, sekali gus berupaya mengundang risiko ketika kemalangan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Isham Ishak, ketika mendedahkan perkara itu berkata perbincangan mengenai isu berkenaan giat dijalankan, susulan pelbagai kes ke malangan yang semakin meruncing kebelakangan ini.

Sehubungan itu, beliau menjelaskan kementerian kini pada fasa melengkapkan kajian bersama pihak berkaitan seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Kena teliti undang-undang, jadi kita ada buat kajian rentetan daripada kemalangan yang berlaku akhir-akhir ini, selain mendapatkan maklum balas daripada pihak berkaitan."

"Sebenarnya alat ini adalah untuk kegunaan orang berbadan bersaiz besar, bukan untuk 'mendiamkan' penggera tali keledar kenderaan."

"Oleh itu, memandangkan tiada larangan dalam bentuk sekatan penjualan yang boleh dikenakan terhadap peniaga aksesori ciplak sedemikian, kita perlu terliti aspek perundangan dalam usaha menangani isu seperti ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

BH menerusi laporan muka depan semalam, mendedahkan mengenai pelbagai aksesori kenderaan yang menjadi kegilaan pemandu kini, disebabkan hanya kerana mudah dipasang dan kelihatan cantik, tanpa menyedari ia berisiko mencetuskan kemalangan serta meragut nyawa sendiri.

Permintaan tinggi menyaksikan, aksesori kenderaan sama ada yang mematuhi undang-undang atau sebaliknya, dijual secara meuas dalam pasaran termasuk di kedai serbaneka dan dalam talian.

Antara aksesori dikenal pasti berbahaya oleh MIROS ialah *dummy buckle* atau alat nyah aktif penggera tali keledar yang mampu mempengaruhi fungsi beg udara sekiranya berlaku impak pelanggaran ketika kemalangan.

Isham mengesahkan bahawa alat nyah aktif penggera tali keledar ciplak itu tidak mampu mengaktifkan beg udara apabila berlaku impak pelanggaran ketika kemalangan.

"Produk ciplak ini tiada peranti pengesan seperti diletakkan dalam *seat belt extender* (penyambung tali pinggang keledar) untuk kegunaan orang berbadan saiz besar," katanya.

SUMBER: Berita Harian | M/S: 9 | 7 Julai 2020